

**Manuskrip Melayu MSS255 *Al-Durr al-Nafis* : Suatu Kajian dan Analisis Teks  
Kitab Tasawuf Nusantara  
(*Malay Manuscript MSS255 Al-Durr al-Nafis: A Study and Text Analysis of the Sufi Book of the  
Malay Archipelago*)**

Noor Syahidah Mohamad Akhir,\* Syaimak Ismail\*\* & Azrul Shahimy Mohd Yusof\*\*\*

**Abstrak**

Kedatangan Islam ke Nusantara telah mewarnai kehidupan masyarakat di rantau ini khususnya dalam bidang pendidikan, bahasa, sastera dan tulisan. Senario tersebut telah melahirkan ramai cendekiawan dan ulama tempatan yang mempunyai kesedaran tinggi dalam aspek keintelektualan. Kebiasaan mereka mempunyai sumbangan dalam penyebaran agama Islam, penghasilan karya atau kitab dan pengajaran serta pendidikan. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis salah sebuah teks manuskrip khazanah warisan Melayu dalam bidang tasawuf yang dikarang oleh ulama tempatan. Kaedah kajian merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah dokumentasi iaitu dengan merujuk sumber primer teks manuskrip Melayu lama. Kajian memfokuskan teks-teks manuskrip yang berada di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai bahan kajian. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan di mana salah sebuah teks manuskrip *al-Durr al-Nafis* no. panggilan MSS225 dipilih sebagai sampel kajian atau skop kajian. Hasil dapatan memaparkan berkaitan susunan kandungan kitab, sumber rujukan penulisan kitab, keistimewaan dan pendekatan dalam penulisan kitab ini. Kajian memperlihatkan bahawa penulisan atau karya ulama Nusantara mempunyai nilai yang tinggi dalam memaparkan kesungguhan pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya.

**Kata kunci:** Manuskrip, *al-Durr al-Nafis*, Tasawuf, Nusantara, Syekh Muhammad Nafis al-Banjari

**Abstract**

*The arrival of Islam in the Malay Archipelago has significantly influenced the lives of its people, particularly in the fields of education, language, literature, and writing. This development has led to the emergence of numerous local scholars and ulama who are intellectually gifted. Their contributions typically include the dissemination of Islam, the creation of works or treatises, and teaching and education. This article aims to analyse one of the treasured Malay heritage manuscripts in the field of Sufism, authored by a local ulama. The research employs a qualitative approach using documentation methods by referring to primary sources of old Malay manuscripts. The study focuses on manuscripts housed at the Malay Manuscript Centre, National Library of Malaysia (PNM), as research materials. Data were analysed using content analysis methods, with one manuscript text, *al-Durr al-Nafis* coded MSS225, selected as the sample or scope of the study. The findings reveal the organization of the content of the treatise, the reference sources used in its writing, as well as its distinctive features and approaches. The study demonstrates that the writings or works of the Nusantara ulama hold significant value in showcasing the dedication of the authors in producing their works.*

**Keywords:** Manuscript, *al-Durr al-Nafis*, Sufism, Malay Archipelago, Syekh Muhammad Nafis al-Banjari

**Pendahuluan**

Alam Melayu merupakan sebuah rantau yang mempunyai perkembangan sejarah tamadun yang panjang. Masyarakat Melayu merupakan penduduk asal rantau ini telah membina peradaban khususnya setelah kemasukan Islam ke sini sehingga munculnya Tamadun Melayu Islam. Pencapaian intelektual

---

\* Noor Syahidah Mohamad Akhir (corresponding author) (PhD), Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, Sungai Petani Campus, Malaysia. Email: noorsyahidah9177@uitm.edu.my.

\*\* Syaimak Ismail (PhD), Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis Branch, Arau Campus, Malaysia. Email: syaimakismail@gmail.com.

\*\*\* Azrul Shahimy Mohd Yusof, Lecturer, Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, Sungai Petani Campus, Malaysia. Email: azrulshahimy@uitm.edu.my.

masyarakat Melayu dalam pendidikan dan sastera jelas termaktub dalam perkembangan sejarah pendidikan Islam di rantau ini.<sup>1</sup> Masyarakat Melayu telah mempunyai ketinggian intelektual dalam bidang pendidikan, sastera, bahasa dan tulisan. Bahasa Melayu telah diangkat sebagai bahasa Lingua Franca yang merupakan bahasa perantaraan antarabangsa.<sup>2</sup> Masyarakat Melayu mementingkan celik huruf dengan menekankan pengetahuan tulisan Jawi sebagai asas dalam penulisan. Institusi pendidikan seperti madrasah dan pondok juga berkembang pesat. Situasi ini mengubah warna kehidupan masyarakat di rantau ini sehingga melahirkan ramai ulama tempatan yang memberikan sumbangan khususnya dalam menghasilkan khazanah karya atau kitab yang mempunyai nilai tinggi yang dikenali sebagai Manuskrip Melayu. Manuskrip Melayu dapat ditakrifkan sebagai karya dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tulisan tangan di atas bahan-bahan seperti daun lontar, kulit binatang, buluh gading dan kain sekitar abad ke-16.<sup>3</sup>

Bidang kajian manuskrip Melayu telah berkembang luas bukan sahaja oleh Masyarakat Melayu, namun turut mendapat perhatian daripada luar negara antaranya Belanda, Perancis, Jerman dan Afrika Selatan.<sup>4</sup> Ini membuktikan manuskrip Melayu mempunyai nilai yang tinggi dan memerlukan kelangsungan kajian agar warisan ini dapat diangkat dan dijulang supaya tidak hilang walaupun beralih zaman.

Artikel ini merupakan kajian penyelidikan teks manuskrip Melayu *al-Durr al-Nafis* yang merupakan sebuah manuskrip tasawuf yang dikarang oleh ulama tempatan iaitu Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari. Kajian berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan beberapa kaedah sebagai proses pengumpulan data dan analisis data.<sup>5</sup> Naskhah-naskhah manuskrip Melayu berjudul *al-Durr al-Nafis* yang tersimpan di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dijadikan sebagai populasi bahan kajian. PKMM merupakan pusat repositori terbesar dalam pengumpulan khazanah warisan manuskrip Melayu di Malaysia.<sup>6</sup> Terdapat 8 naskhah manuskrip *al-Durr al-Nafis* yang tersimpan di PKMM dengan pelbagai kodikologi naskhah. Koleksi manuskrip ini ditandai dengan no. Panggilan MSS2488, MSS2326 (2), MSS4004, MSS3979, MSS225, MSS1634, MSS1428 dan MSS1349.

Naskhah manuskrip no. Panggilan MSS3979 tidak lengkap keadaan fizikalnya iaitu terdapat koyakan dan halaman berceraai serta tidak berkulit.<sup>7</sup> Naskhah MSS2326 pula ditulis dengan tulisan tidak kemas, tidak lengkap dan tidak konsisten.<sup>8</sup> Manakala beberapa naskhah yang lain hanya ditulis dengan satu bahasa iaitu bahasa Melayu bertulisan Jawi tanpa mempunyai teks bahasa Arab iaitu naskhah MSS1349, MSS1428, MSS1634.<sup>9</sup> Tiga naskhah lagi merupakan teks yang baik, bertulisan kemas serta ditulis dengan bahasa Melayu dan Arab iaitu MSS2488, MSS4004 dan MSS225.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, naskhah MSS225 telah dipilih oleh PKMM untuk digitalkan dalam bentuk mikrofilem. Justeru, manuskrip *al-Durr al-Nafis* no. panggilan MSS225 dijadikan sebagai sampel kajian teks.

Penganalisan data menggunakan kaedah analisis kandungan dan metode deduktif. Naskhah manuskrip yang dipilih dianalisis secara kandungan dan dipaparkan dalam bentuk tematik atau tema-tema yang lebih khusus. Dalam konteks ini, kaedah deduktif digunapakai iaitu membuat kesimpulan khusus daripada isi kandungan naskhah yang umum.<sup>11</sup> Hasil analisis data dipaparkan secara tematik berdasarkan komponen kandungan dan isi teks merangkumi susunan kandungan kitab, sumber rujukan penulisan kitab, keistimewaan dan pendekatan dalam penulisan kitab ini.

<sup>1</sup> Asmawati Suhid, Mohd Yusri Mohd Naser, A. Ahmad, Noreha Che Abah, Rosnani Jusoh, and Zeinab Zaremohzzabieh. "Challenges and Readiness of Islamic Education Teachers in Innovative Teaching and Learning." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 9, no. 2 (2021): 293–308.

<sup>2</sup> Ku Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Mahadee Ismail, Yok Fee Lee, Arfah Ab Majid, and Ratna Roshida Ab Razak. "Pendirian Generasi Muda Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Wadah Patriotisme di Malaysia: Youths Stand on the Use of Malay Language as a Means of Patriotism in Malaysia." *Sains Insani* 5, no. 2 (2020): 17-24.

<sup>3</sup> Mohd Anuar Mamat, "Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15, no. 1 (2017): 66-88.

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 67.

<sup>5</sup> A. Booth, A. Sutton, and D. Papaioannou, *Systematic Approaches to a Successful Literature Review* (SAGE Publications, 2016).

<sup>6</sup> Haliza Mohamad, "PNM Aktif Bina Koleksi Manuskrip," *Berita Harian Online*, September 4, 2023, <https://www.bharian.com.my>.

<sup>7</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Keenam* (Perpustakaan Negara Malaysia, 2011), 58-59.

<sup>8</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia* (Perpustakaan Negara Malaysia, 2000), 59.

<sup>9</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua* (Perpustakaan Negara Malaysia, 1987), 29.

<sup>10</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Pertama* (Perpustakaan Negara Malaysia, 1991), 63-65.

<sup>11</sup> J. W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (SAGE Publications, 2013).

## Kajian Literatur

### *Latar Belakang Penulisan Kitab Tasawuf di Nusantara*

Pembangunan Islam di Nusantara dipengaruhi dengan ilmu tasawuf yang menekankan toleransi masyarakat pelbagai.<sup>12</sup> Ilmu tasawuf dapat dilihat sebagai disiplin ilmu di Nusantara seawal abad ke-12M. Sebuah kitab tasawuf terawal di Nusantara iaitu kitab *Baḥr al-Lāhūt* (Alam Ketuhanan Yang Luas) karangan Syeikh ‘Abdullah ‘Arif. Beliau merupakan seorang ulama dari Arab yang datang ke Aceh. Perkataan “‘*Arif*” bukanlah nama beliau yang sebenar, sebaliknya gelaran “‘*Arif Billāh*” yang biasa dikenali dikalangan ahli tasawuf.<sup>13</sup> Karangan ini kemudian tersebar di Aceh, Sulawesi dan Kalimantan Barat.<sup>14</sup> Menurut Profesor A.H. Johns, peranan para sufi sebagai pengembara dalam menyebarkan Islam lebih menonjol di Nusantara sejak abad ke-13M.<sup>15</sup> Ilmu tasawuf akhirnya mencapai kegemilangan di alam Melayu pada abad ke-16M dan 17M apabila muncul ramai ulama sufi dengan pelbagai pengkaryaan terutamanya di Aceh. Pada abad ini terdapat dua aliran tasawuf iaitu *Wahdat al-Wujūd* dan *Wahdat al-Shuhūd* yang mewarnai corak tasawuf di alam Melayu.

*Wahdat al-Wujūd* merupakan aliran yang terawal meresap di dalam pemikiran masyarakat di alam Melayu. Pada abad ke-16M, seorang ulama Arab beraliran Syiah iaitu ‘Abd al-Khayr Ibn Ḥajar telah datang ke Aceh dan menerapkan fahaman *Wahdat al-Wujūd* menerusi kitabnya *Saif al-Qāṭi*. Selain itu, fahaman ini juga turut diserap ke Aceh melalui ajaran *Faḍl Allāh al-Burhānpūrī* (w.1029H/1620M) yang merupakan tokoh sufi dari India. Beliau yang beraliran *Wahdat al-Wujūd* telah mengarang kitab *al-Tuḥfah al-Mursalāh Ilā Rūḥ al-Nabī* (Hadiah yang dikirimkan untuk ruh nabi) pada tahun 1590M. Naskhah ini telah dikirimkan ke Aceh ketika pemerintahan Sultan Iskandar Muda.<sup>16</sup>

Fahaman ini kemudiannya terus berkembang dengan kemunculan ramai tokoh yang sealign dengannya antaranya Hamzah Fansuri dan Syamsudin al-Sumatrani.<sup>17</sup> Menerusi kajian Oman Fathurahman berkaitan *Tanbih al-Māshī* karangan Abdulrauf Singkel abad ke-17M, bahawa Abdulrauf cuba menggabungkan pendapat para tokoh-tokoh dari dua aliran iaitu tasawuf amali dan tasawuf falsafi. Tasawuf falsafi seperti *Ibn ‘Arabī* dan *‘Abd al-Raḥmān al-Jāmī*, manakala tasawuf amali seperti al-Ghazālī, al-Junayd dan al-Harawī.<sup>18</sup> Ketika menjawat jawatan qadi, Abdulrauf bertanggungjawab untuk meredakan ketengangan kontroversi aliran pada era Sultan Iskandar Thani. Beliau pernah bertanya kepada gurunya di Makkah iaitu *Shaykh Ibrāhīm al-Kūrānī* yang lebih suka mendamaikan dua sudut pandangan yang berbeza berbanding memihak salah satu daripadanya.

Fahaman *Wahdat al-Wujūd* mendapat tentangan daripada pihak yang berfahaman *Wahdat al-Shuhūd* antaranya Nuruddin ar-Raniri. Beliau yang memegang jawatan di Jabatan Syeikh Islam berusaha untuk membenters fahaman tersebut. Beliau mendapat sokongan daripada Sultan Iskandar Thani yang mengeluarkan perintah agar mereka yang berfahaman *Wahdat al-Wujūd* diburu serta dibakar buku-buku mereka. Buku-buku beraliran *Wahdat al-Wujūd* ini dikumpul dan dibakar di hadapan Masjid Bait al-Rahman seperti mana yang disebut dalam karyanya *Faṭḥ al-Mubīn al-Rānīrī*.<sup>19</sup>

Tasawuf di alam Melayu juga berkembang dengan wujudnya tarekat-tarekat yang mempunyai markas di kawasan tertentu. Tarekat tersebut antaranya *Ṭarīqah Qādarīyah*, *Naqshabandīyah*, *Shādhilīyah*, *Khalwatīyah*, *Shāṭarīyah*, *Sammānīyah*, *Tījānīyah* dan *Qādarīyah wa Naqshabandīyah*.<sup>20</sup> Tarekat-tarekat ini kebiasaannya mempunyai salasilah sanadnya bermula dari para guru yang dikenali sebagai syeikh sehinggalah sampai sanadnya kepada Nabi Muhammad S.A.W. Tarekat-tarekat ini juga mempunyai zikir-zikirnya tersendiri yang perlu diamalkan bagi menyucikan diri.

<sup>12</sup> Anshori, M. Afif, Zaenuddin Hudi Prasajo, and Lailial Muhtifah. “Contribution of Sufism to the Development of Moderate Islam in Nusantara.” *International Journal of Islamic Thought* 19, (2021): 40–48.

<sup>13</sup> Muhammad Naquib al-Attas, *Historical Fact and Fiction* (UTM Press, 2011), 40.

<sup>14</sup> Hawash Abdullah, *Perkembangan Ilmu Tasawuf Dan Tokoh-tokohnya Di Nusantara* (Al-Ikhlās, 1980), 12.

<sup>15</sup> A. H. John, “Sufism As A Category In Indonesian Literature And History,” *Journal of Southeast Asian History* 2 (1961): 10-23.

<sup>16</sup> UIN Syarif Hidayatullah, *Ensiklopedia Tasawuf* (Penerbit Angkasa Bandung, 2008), 3, 801.

<sup>17</sup> Agus Salim, “Javanese religion, Islam orsyncretism: comparing Woodward’s Islam in Java and Beatty’s Varieties of Javanese Religion.” *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies* 3, no. 2 (2013): 223-266.

<sup>18</sup> Zainuddin Abdullah, “Tanbih Al-Masyi Menyoal Wahdatul Wujud: Kasus Abdurrauf Singkel Di Aceh Abad 17 Karya Oman Fathurahman (Review Buku),” *Mumtaz Jurnal Studi Al-Qur’an dan Keislaman* 3, no. 2 (2019): 280-288.

<sup>19</sup> Tim Redaksi, *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam* (Ichtiar Baru Van Hoeve, 2008), 146.

<sup>20</sup> Sri Mulyati et al., *Mengenal Dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah Di Indonesia* (Kencana Prenada Media Group, 2004), 31.

Di Banjarmasin, Kalimantan Selatan penyebaran ilmu tasawuf mula berkembang seiring dengan kemasukan Islam ke sini. Pada abad ke-17M seorang ulama Banjar iaitu Syeikh Ahmad Syamsuddin al-Banjari telah menghasilkan sebuah kitab tasawuf *Asal Kejadian Nur Muhammad*. Kitab tersebut telah dihadiahkan kepada Ratu Aceh ketika itu.<sup>21</sup> Islam dan tasawuf di Kalimantan Selatan berkembang pesat dan mencapai puncaknya pada abad ke-18 hingga abad ke-19, dengan kemunculan sejumlah besar ulama Banjar yang berperanan penting dalam bidang tasawuf, antaranya Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Abdul Hamid, Syeikh Abdul Samad, Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari dan Syeikh H. Abdurrahman Siddiq.<sup>22</sup>

### ***Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari Pengarang Al-Durr al-Nafis***

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari merupakan pengarang kitab *al-Durr al-Nafis*. Beliau juga dikenali sebagai Datu Nafis dalam masyarakat Banjar. Dilahirkan pada tahun 1735M/1148H di Martapura, Kalimantan Selatan dan meninggal dunia pada tahun 1812.<sup>23</sup> Terdapat tiga lokasi di Kalimantan Selatan yang dipercayai tempat tokoh ini dimakamkan iaitu (i) Desa Binturu, Kecamatan Kelua, Kabupaten Tabalong, (ii) Desa Tungkaran Pelaihari, Kabupaten Tanah Laut, (iii) Daerah Kusan Kota Baru.<sup>24</sup> Beliau berketurunan bangsawan iaitu keluarga dari salasilah kesultanan Banjar yang bersambung hingga Sultan Suriansyah (Sultan pertama Kerajaan Banjar).

Semasa kecil, beliau diambil menjadi anak angkat di istana oleh Sultan Tahlillah (1700-1745M).<sup>25</sup> Beliau telah dihantar ke Mekah untuk mendalami ilmu agama dan pulang ke tanah air sekitar 1210H/1795M iaitu ketika pemerintahan Sultan Tahmiddillah II (1785-1808M).<sup>26</sup> Beliau seorang bermazhab Syafie dan Ahli Sunnah Wal Jamaah.<sup>27</sup> Tokoh ini telah mendalami beberapa jenis tarekat iaitu *ṭarīqah Sammāniyyah* yang diasaskan oleh Shaykh Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Sammān<sup>28</sup>, *ṭarīqah Khalwatiyyah* yang dibawa oleh Shaykh ‘Umar al-Khalwatī, *ṭarīqah Naqshbandiyyah* yang diasaskan oleh Shaykh Bahā’ al-Dīn Naqshbandī<sup>29</sup>, *ṭarīqah Qādiriyyah* yang diasaskan oleh Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī<sup>30</sup> dan *ṭarīqah Shāṭariyyah* yang diasaskan oleh Shaykh ‘Abd al-Shaṭarī.<sup>31</sup> Kesemua pegangan tarekat ini telah disebut menerusi kitabnya *al-Durr al-Nafis*.<sup>32</sup>

Tokoh ini diangkat sebagai tokoh dalam bidang tasawuf. Beliau banyak memberi sumbangan khusus dalam perkembangan Islam di Kalimantan Selatan. Pengaruh beliau adalah dari aspek (i) Keagamaan iaitu dalam kegiatan tarekat dan dakwah, (ii) Kegiatan politik iaitu perjuangan menentang penjajah, (iii) Kegiatan tradisi intelektual dengan menghasilkan kepelbagaian kitab atau karya.<sup>33</sup> Tokoh ini telah melakukan usaha dakwah penyebaran agama Islam dan memperkenalkan tarekat Sammaniyyah kepada masyarakat di Banjar. Tarekat ini dan kitab karangan tokoh iaitu *al-Durr al-Nafis* dilihat dapat meningkatkan semangat juang masyarakat Banjar untuk melawan penjajah ketika itu.<sup>34</sup> Maka tidak

<sup>21</sup> Ahmad, “*Pengajian Tasawuf SIRR Di Kalimantan Selatan*” (Disertasi sarjana, IAIN Antasari, Banjarmasin, 2008), 19.

<sup>22</sup> Noor Syahidah Mohamad Akhir, “Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari di Kalimantan Selatan berhubung Ilmu Tasawuf,” dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara* (Jabatan Pengajian Arab Dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 6.

<sup>23</sup> Muhammad Rezky Noor Handy dan Sisca Nuur Fatimah, “Biography of Syekh Muhammad Nafis Al-Banjari: An Investigation of Value in the Spread of Islam as a Learning Source on Social Studies,” *The Kalimantan Social Studies Journal* 1, no. 1 (2019): 40-50.

<sup>24</sup> Noor Syahidah Mohamad Akhir, “*Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis Al-Banjari Terhadap Perkembangan Islam Di Kalimantan Selatan: Tumpuan Terhadap Al-Durr al-Nafis*” (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 83.

<sup>25</sup> Maimunah Zarjasyi, “*Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari Dalam Risalah Fath al-Rahman Dan Kanz al-Ma’rifah*” (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), 40.

<sup>26</sup> Muhammad Rezky Noor Handy dan Sisca Nuur Fatimah, *Op. cit.*, 40-50.

<sup>27</sup> Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *al-Durr al-Nafis*, Manuskrip (MSS 225), Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 75.

<sup>28</sup> Shaykh Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Sammān hidup sekitar tahun 1130-1189H/1718-1776M. Beliau dilahirkan dan dimakamkan di Madinah al-Munawwarah. Merupakan pengasas kepada tarekat Sammaniyyah. Banyak mencurahkan ilmu agama kepada tokoh-tokoh terkemuka di Nusantara. Lihat : UIN Syarif Hidayatullah, *Op.cit.*, 1086.

<sup>29</sup> Shaykh Bahā’ al-Dīn Naqshbandī atau nama lengkapnya Muḥammad bin Muḥammad Bahā’ uddīn al-‘Uwaysī al-Bukhārī Naqshbandī. Dilahirkan di Bukhara, Uzbekistan pada tahun 717H/1318M manakala tahun wafatnya adalah 791H/1389M. Lihat: *Ensiklopedia Islam* (PT Ihtiar Baru Van Hoeve, 2005), 178.

<sup>30</sup> Shaykh ‘Abd al-Qādir al-Jaylānī atau nama lengkapnya Abū Muḥammad ‘Abd al-Qādir ibn Abī Šāliḥ ‘Abdullāh ibn Jankī Dūstī ibn Yaḥyā ibn Muḥammad ibn Dāwūd ibn Mūsā ibn ‘Abdullāh ibn al-Ḥasan ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī ibn Abī Ṭālib. Dilahirkan di kota Jilan pada pertengahan Ramadan 471H. Beliau telah mendapat gelaran yang banyak antaranya *Muḥyī al-Dīn wa al-Sunnah*, *Mumīt al-Bid’ah*, *al-Imām al-Zāhid* dan *al-‘Arīf al-Qudwah*. Beliau menggunakan kehidupannya untuk mencari ilmu, mengajar dan membimbing. Beliau banyak menghasilkan karya antaranya *Ighāthah al-‘Arīfīn wa Ghāyat min al-Wāṣilīn*, *Arwād al-Jaylānī* dan banyak lagi. Beliau wafat pada tahun 561H dan dikebumikan di Baghdad, Iraq. UIN Syarif Hidayatullah, *Op.cit.*, h. 22-26.

<sup>31</sup> Shaykh ‘Abd al-Shaṭarī awr ‘Abdullāh al-Shattār dilahirkan di Bukhara. Beliau berpindah ke India dan berjaya mengembangkan Syatariyyah. Beliau wafat pada tahun 1485. *Ensiklopedia Islam, Op.cit.*, 304.

<sup>32</sup> Muhammad Nafis al-Banjari, *Op.cit.*, r.75.

<sup>33</sup> Noor Syahidah, *Op.cit.*, 239.

<sup>34</sup> *Ibid*, 260.

hairan jika Belanda mengharamkan pembacaan kitab *al-Durr al-Nafis* kerana bimbang masyarakat akan terpengaruh dan bangun menentang mereka.<sup>35</sup> Tarekat Sammaniyyah yang diperkenalkan bukan sahaja terhad kepada amalan zikir sahaja sebaliknya turut menjadi pendorong kepada tercetusnya perang Banjar.<sup>36</sup>

Sumbangan tokoh dalam tradisi intelektual boleh dilihat menerusi kepelbagaian karya yang telah dikarang. Antara karangan tokoh ini adalah *al-Durr al-Nafis* dan *Majmu' al-Asrar*. Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari berkemungkinan turut mengarang beberapa karya yang lain iaitu *Huruf-huruf Abjad Dalam Al-Quran*, *Ilmu Haqiqat Yang Sebenarnya* dan *Masalah Orang Yang Dijadikan Imam*. Menurut Noor Syahidah dalam kajian tesis PhD, judul-judul ini ditemui dalam sebuah manuskrip berkod (MSS1837 (C)) yang dikompilasikan dalam kitab *Majmu' al-Asrar*, namun dalam teks manuskrip tersebut tiada nama pengarang.<sup>37</sup>

Kitab *al-Durr al-Nafis* mengangkat nama tokoh pengarangnya. Kitab ini membincangkan ilmu tasawuf dan ditulis pada tahun 1200H/1785M.<sup>38</sup> Pada peringkat awal kitab ini ditulis dalam bahasa Arab yang kemudian ditulis pula dalam tulisan Jawi berbahasa Melayu. Kitab ini telah ditashih dan diterbitkan oleh pelbagai penerbit antaranya terbitan pertama oleh *Matba'ah al-Miriyyah* di Bulaq, Mesir, edisi cetakan oleh *Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī*, 1302H/1884M (Mesir).<sup>39</sup> Cetakan *Dār al-Ṭibā'ah al-Miṣriyyah*, 1347/1928 (Mesir).<sup>40</sup> Terbitan *Matba'ah al-Miṣriyyah*, 1323H. Termuat ditepi kitab *Hidāyah al-Sālikīn* karya Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (Makkah).<sup>41</sup> Terbitan oleh *Maktabah Matba'ah Marā'ī*, bulan Ramadhan 1347H. (Singapura).<sup>42</sup> *Kitāb Durr an-Nafīs fī Bayānī Wahīdah al-Af'āl wa al-Asmā' wa al-Ṣifāt wa al-Dhāt Dhātī al-Taqdīs*, *Dār al-Ma'ārif* (Malaysia).<sup>43</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani<sup>44</sup> (1325H/1908M) diberi kepercayaan oleh pemerintah Turki untuk melakukan kerja pentashihan antaranya pentashih awal kitab *al-Durr al-Nafis*.<sup>45</sup>

Kitab ini turut mempengaruhi tulisan beberapa ulama lain antaranya tulisan Syeikh Abdurrahman Siddiq iaitu *Risalah 'Amal Ma'rifah* dan Syeikh Muhammad Saleh Ibn Abdullah al-Minangkabawi dengan karangannya *Kasyf al-Asrar*.<sup>46</sup> Ini membuktikan bahawa al-Durr al-Nafis mempunyai pengaruhnya tersendiri dan Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari mempunyai ketokohan khusus dalam bidang tasawuf.

## Dapatan Kajian

### **Kodikologi Naskhah-naskhah Al-Durr al-Nafis Di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM)**

Kodikologi merupakan cabang kajian yang meneliti fizikal naskhah atau gambaran berhubung naskhah. Kajian kodikologi mencakupi berkaitan nombor panggilan naskhah, tempat penyimpanan naskhah, jenis huruf, ukuran, pembuka dan penutup pada bahagian kolofon yang kebiasaan mengandungi pemilik dan penyalin, gaya bahasa, ringkasan isi dan *watermark*.<sup>47</sup> Menurut Oman Fathurahman, kodikologi bertujuan untuk mengetahui tradisi penulisan, penyalinan dan karakteristik sesebuah naskhah mengikut sejarah kebudayaan masyarakat.<sup>48</sup>

<sup>35</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah Dan Kepulauan Nusantara Abad XVII Dan XVIII* (Mizan, 1998), 257.

<sup>36</sup> Wahyudin, Kamrani Buseri et al., *Unsur-unsur Islam Dalam Sejarah Perang Banjar* (IAIN Antasari, 1994), 52.

<sup>37</sup> Noor Syahidah Mohamad Akhir, *Op. cit.*, 103.

<sup>38</sup> Maimunah Zarkasyi, "Dakwah Tauhid Muhammad Nafis al-Banjari (1150 H/1735 M)," *TSAQAFAH* 15, no. 1 (2019): 137–146.

<sup>39</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, Jil. 8 (Khazanah Fathaniah, 2000), 52.

<sup>40</sup> Kautsar Azhari Noer, "Pengaruh Wahdat al-Wujud Dalam Pemikiran Islam Di Nusantara," dalam Abdul Ghafar Hj Don, Othman Hj Talib et al., *Isu-isu Dalam Dakwah, Tarekat Tasawuf & Ajaran Sesat Di Malaysia* (UKM, 2008), 177.

<sup>41</sup> Tim Sahabat, *Seri Manakib Syekh Muhammad Nafis al-Banjari Dan Ajarannya* (SAHABAT, 2010), 18.

<sup>42</sup> Kamarudin Ali, "Hadis-hadis di dalam kitab al-Durr al-Nafis: Takhrij dan Ulasan" (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998), 19.

<sup>43</sup> Simpanan penulis. Dikatakan ia merupakan versi cetakan dari Mesir.

<sup>44</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani lahir pada tahun 1856M di Pattani, Selatan Thailand. Beliau telah melanjutkan pelajarannya ke Makkah dan berguru dengan ulama-ulama terkenal seperti Shaykh Ahmad bin Zaynī Dāhlān (w.1304H). Beliau adalah ulama Melayu yang merintis penyelidikan dalam bidang Kimia. Beliau banyak mentashih dan meneliti kitab Melayu yang dicetak di Mesir, Makkah dan Turki. Banyak menghasilkan kitab dalam bahasa Melayu dan Arab antaranya *Jumānāh al-Tawhīd*. Beliau wafat pada 14 Januari 1908M di Makkah. Mat Saad Abdul Rahman, *Ensiklopedia Ulama' Mazhab Shafi'e*, (JAKIM, 2011), jil. 11, 73–78.

<sup>45</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Koleksi Ulama Nusantara*, (Khazanah Fathaniah, 2009), jil. 2, h. 175.

<sup>46</sup> H.M. Laily Mansur, "Kitab *ad Al-Durr al-Nafis*: Tinjauan Atas Suatu Ajaran Tasawuf" (Disertasi sarjana, IAIN Antasari, Banjarmasin, 1981), h. 17.

<sup>47</sup> Alifah Talitha Shabrina dan Asep Yudha Wirajaya, "Perbandingan Karakteristik Ilustrasi Naskah *Syair Saiban* dan *Zainab Asyamiyah* dan *Ghayat Al-Muna*: Sebuah Kajian Kodikologi," *Jurnal Manuskrip Nusantara (JUMANTARA)* 10, no. 2 (2019): h. 111–124.

<sup>48</sup> Oman Fathurahman, *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*, (UIN Press, 2015), h. 110.

**Jadual 1: Kodikologi Naskhah-naskhah *al-Durr al-Nafis* di PKMM**

Bil	No. Panggilan	Judul	Kodikologi
1	MSS 2488 <sup>49</sup>	<i>Al-Durrah al-Nafis</i>	<p>Teks salinan oleh Mahmud ibn Muhammad Yusuf al-Terqanu dari Terengganu, yang ditulis pada malam Selasa, antara waktu Maghrib dan Isyak, pada 29 Safar 1255H (14 Mei 1839M).</p> <p>Jenis kertas : Kertas berwarna putih kekuningan, jenis laid Eropah. Keadaan dalam keadaan baik dan bersih.</p> <p>Tera air : i) GIOV.E COS. CINI II) Bintang, perkataan LA STELLA di bawahnya.</p> <p>Rubrikasi : Perkataan bahasa Melayu, bahasa Arab, firman Allah dan sabda Nabi.</p> <p>Tulisan : Tulisan kecil, kemas dan bergaya.</p> <p>Lain-lain : 7 kuras bercerai.</p> <p>Status : Lengkap ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab.</p>
2	MSS 2326 (2) <sup>50</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	<p>Jenis kertas: Kertas berwarna putih kekuningan, jenis laid Eropah. Terdapat kesan berlubang-lubang dimakan serangga. Keadaan naskhah kotor kerana terdapat tompokan air di setiap halaman.</p> <p>Tera air : i) AG ii) 3 bulan sabit sederet bersaiz kecil.</p> <p>Rubrikasi : Terdapat ayat bahasa Arab dan perkataan bahasa Melayu yang tertentu.</p> <p>Tulisan : Tulisan berdakwat hitam. Tidak konsisten dan tidak kemas.</p> <p>Lain-lain : 2 kuras bercerai.</p>
3	MSS 4004 <sup>51</sup>	<i>Al-Durr al-Nafisah</i>	<p>Teks Salinan : Salinan selesai pada 9 Muharram 1240H (2 September 1824M), pada malam Isnin, sekitar tengah malam.</p> <p>Jenis kertas : Kertas bewarna putih kecoklatan, jenis laid Eropah. Naskhah kelihatan kotor kerana terdapat tompokan terkena air. Pada halaman tertentu mempunyai kesan carikan walau bagaimanapun teks terpelihara.</p> <p>Tera air : Singa bermahkota memegang pedang di dalam bulan bergaris dua dan bermahkota yang bertulis CONCORDIA di bawah dan PROPATRIA di atas garis.</p> <p>Rubrikasi : Pada perkataan bahasa Melayu yang tertentu seperti firman Allah dan sabda Nabi.</p> <p>Tulisan : Konsisten, kemas dan menarik.</p>

<sup>49</sup> Perpustakaan Negara Malaysia (1991), *Op. cit.*, 63-65.

<sup>50</sup> Perpustakaan Negara Malaysia (2000), *Op. cit.*, h. 59.

<sup>51</sup> Perpustakaan Negara Malaysia (2011), *Op. cit.*, h. 69-70.

			<p>Lain-lain : Berjilid dan berkulit keras, dibalut dengan kertas berwarna coklat, bercorak ukiran bunga timbul dan lingkaran daun.</p> <p>Status : Ditulis dalam Bahasa Melayu dan Arab dan berstatus lengkap.</p>
4	MSS 3979 <sup>52</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	<p>Teks salinan : Salinan oleh Haji Ismail ibn al-Marhum An-Nahj Idris. Ditulis pada hari Isnin, 15 Rabiul Akhir 1216H (26 Julai 1801M).</p> <p>Jenis kertas : Kertas berwarna putih kekuningan, jenis laid Eropah. Terdapat tompokan kesan terkena air, namun tidak menjejaskan teks. Terdapat juga kesan koyakan dan carikan di hujung halaman.</p> <p>Tera air :</p> <p>i) Burung bermahkota mendepakan sayap, pedang dikiri dan kanan.</p> <p>ii) Bulan sabit berprofil manusia di dalam perisai.</p> <p>Rubrikasi : Pada bahagian bahasa Arab dan Melayu.</p> <p>Jenis tulisan : Kemas. Ditulis dengan jarak yang dekat dan kecil. Berdakwat hitam.</p> <p>Lain-lain : Berjilid, tetapi terdapat halaman bercerai dan tidak berkulit. Terdapat catatan kecil di tepi teks.</p> <p>Status : Ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab dan tidak lengkap.</p>
5	MSS 225 <sup>53</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	<p>Teks salinan : Wan Kenci b. Tuan Haji Abdul Ghafur. Disalin pada 3 Jamadil Awal 1306H [1888M] di Makkah.</p> <p>Jenis kertas : Kertas berwarna putih kekuningan, jenis kertas laid Eropah.</p> <p>Jenis tulisan : Sangat kemas, kecil dan padat. Dakwat hitam dan merah.</p> <p>Lain-lain : Terdapat nota-nota kecil ditepi teks. Terdapat bingkai disekeliling teks.</p> <p>Halaman : Mempunyai 78 folio.</p> <p>Status : Ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab. Berstatus lengkap dan di digitalkan dalam bentuk mikrofilem.</p>
6	MSS 1634 <sup>54</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	<p>Teks salinan : Salinan oleh Ibrahim, seorang dari Kelantan, anak kepada Abdul Muhit Patani. Ditulis pada hari Isnin, 12 Zulkaedah, di Makkah.</p>

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 58-59.

<sup>53</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*, (Perpustakaan Negara Malaysia, 1987), h. 18.

<sup>54</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Ketiga*, (Perpustakaan Negara Malaysia, 1997), h. 11.

			Jenis kertas : Kertas berwarna putih kekuningan, jenis laid Eropah. Mempunyai kesan carik pada halaman namun tidak menjejaskan teks.  Jenis tulisan : Kemas. Ditulis dengan dakwat merah dan hitam.  Status : Lengkap dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu.
7	MSS 1428 <sup>55</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	Status : Lengkap dan ditulis dalam bahasa Melayu sahaja.
8	MSS 1349 <sup>56</sup>	<i>Al-Durr al-Nafis</i>	Status : Penggunaan bahasa Melayu sahaja. Berstatus tidak lengkap.

Jadual di atas berkaitan dengan lapan buah naskhah manuskrip *al-Durr al-Nafis* yang tersimpan di PKMM. Berdasarkan populasi naskhah tersebut, naskhah bernombor panggilan MSS225 dipilih sebagai sampel kajian. Terdapat naskhah-naskhah yang disenaraikan dalam jadual berstatus tidak lengkap iaitu MSS 1349 dan MSS 3979. Tambahan lagi, terdapat naskhah yang berstatus lengkap walau bagaimanapun ia ditulis dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Melayu sedangkan asal naskhah ini di tulis di Timur Tengah, naskhah tersebut adalah MSS 1428 dan MSS 1634. Terdapat naskhah yang ditulis dengan tulisan yang tidak kemas dan menyukarkan pemahaman teks iaitu naskhah MSS 2326 (2). Beberapa naskhah merupakan naskhah yang lengkap, ditulis dengan baik dan merupakan naskhah salinan iaitu MSS225, MSS 2488 dan MSS 4004.

Daripada ketiga naskhah ini, naskhah MSS225 telah dijadikan sampel kajian memandangkan manuskrip ini telah dipilih oleh PKMM dan digitalkan dalam bentuk mikrofilem serta boleh dicetak manuskrip tersebut. *Al-Durr al-Nafis* MSS225 mempunyai 78 folio bermula halaman 1 rektro yang akan ditandai dengan (r) dan berakhir halaman 78 verso yang akan ditandai dengan (v).<sup>57</sup> Naskah ini disalin di Timur Tengah iaitu di Makkah berbanding naskhah-naskhah lain disalin di alam Melayu. Ia boleh dilihat pada ruangan kolofon naskhah yang menyebut “*Wan Kenci b. Tuan Haji Abdul Ghafur menyalin kitab ini pada negeri Makkah al-Masyarif tamat pada hari Khamis tiga likur haribulan Jamadilawal pada hijrah nabi 1306 sanah*”.<sup>58</sup>

### **Struktur Kandungan Naskhah Teks Manuskrip (MSS225)**

Teks kitab ini mempunyai 3 struktur utama iaitu (i) pendahuluan, (ii) kandungan dan (iii) penutup. Pada ruangan kandungan terdapat 5 kategori iaitu *Fasl*, *Khātimah*, *Nuqṭah*, *Tātimmah* dan *Takmilah*. Selain itu, ia membahaskan beberapa masalah yang tinggi antaranya maqam golongan tasawuf, ilmu hakikat dan orang-orang *Mushāhadah* kepada Allah S.W.T. Ini dinyatakan dalam *al-Durr al-Nafis* berkenaan pembahagian kategori tersebut :<sup>59</sup>

ورتيها على مقدمة وأربعة فصول وخاتمة وذكرت فيها المسائل النية المأخوذة من كتب الصوفية

“Dan aku aturkan akan dia atas satu *muqaddimah* dan empat *fasl* dan satu *khātimah* dan aku sebutkan di dalamnya beberapa masalah yang tinggi yang diambil daripada beberapa kitab ahli al-tasawwuf”.

Struktur kitab *al-Durr al-Nafis* disusun seperti dalam paparan jadual di bawah:

<sup>55</sup> Perpustakaan Negara Malaysia, *Katalog Induk Manuskrip Melayu Di Malaysia*, (Perpustakaan Negara Malaysia, 1993), h. 106.

<sup>56</sup> Perpustakaan Negara Malaysia (1987), *Op. cit.*, h. 29.

<sup>57</sup> Rektro merupakan halaman manuskrip di sebelah kanan, manakala verso merupakan halaman manuskrip di sebelah kiri. Lihat, Kamus Dewan (2007), Edisi ke-4, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1306 & 1789. Kebiasaan rektro bernombor ganjil seperti halaman 1, 3, 5 manakala verso dengan halaman genap seperti 2, 4, 6. Dalam artikel ini halaman rektro akan menggunakan simbol r, manakala verso akan menggunakan simbol v.

<sup>58</sup> Muhammad Nafis, *Op.cit.*, v.78.

<sup>59</sup>*Ibid.*, r. 3.



Jadual 2: Struktur Kandungan Kitab *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)

Struktur Utama	Kategori	Paparan Perbahasan
Pendahuluan		- Hal-hal yang dapat membatalkan dan menghalangi seorang <i>sālik</i> dari mencapai Allah S.W.T.
Kandungan	1) <i>Fasl</i>	- <i>Tawhīd al-Af'āl</i> - <i>Tawhīd al-Asmā'</i> - <i>Tawhīd al-Ṣifāt</i> - <i>Tawhīd al-Dhāt</i> - <i>Fanā' wa Baqā'</i>
	2) <i>Khātimah</i>	Membincangkan mengenai martabat <i>Tajallī Dhāt</i> .
	3) <i>Nuqṭah</i>	• Cara zikir untuk mentauhidkan Allah dan cara berselawat. - Ilmu Ladunni. – <i>Ma'rifat Allāh</i> . – <i>Fanā'</i> . - Tingkat yang dicapai dalam perjalanan menuju Allah.
	4) <i>Tātimmah</i>	- Membahas tentang rahsia ilmu Allah, rahsia ilmu hakikat, dan pelbagai ilmu lainnya– <i>Sharī'ah</i> , <i>ṭarīqah</i> , <i>ḥaqīqah</i> . –Rahsia ilmu <i>ḥaqīqah</i> . – <i>Maqām wilāyah</i> .
	5) <i>Takmilah</i>	- Membahaskan perihal <i>keramat</i> .
Penutup		• Pernyataan Syeikh Muhammad Nafis mengenai harapannya, beberapa informasi mengenai biografi beliau, serta butiran mengenai penulisan kitab <i>al-Durr al-Nafis</i> .
** Isi Tambahan		• Selawat dan manfaat selawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W (Kemungkinan penambahan isi tambahan ini dibuat oleh pentashih kitab iaitu Syeikh Ahmad al-Fatani).

Sumber: Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr an-Nafis*, Manuskrip (MSS 225).

Pada bahagian pendahuluan diceritakan tentang perkara yang dapat membatalkan *sālik* untuk menuju kepada Allah S.W.T. Perkara ini penting pada setiap *maqām* agar para *sālik* dapat sampai ke *maqām* berikutnya tanpa halangan dan pembatalan. Berikut merupakan petikan teks tentang bahagian pendahuluan :<sup>60</sup>

“مقدمة في بيان الأشياء التي تبطل السالك وتمنعه من الوصول إلى الله تعالى“

“Bermula ini satu *muqadimah* pada menyatakan segala perkara yang membatalkan ia akan orang yang *sālik* dan yang menegahkan dia daripada sampai kepada Allah Taala”

Manakala pada bahagian kandungan kitab ini pula dibincangkan tentang empat *fasl* iaitu *Tawhīd al-Af'āl*, *Tawhīd al-Asmā'*, *Tawhīd al-Ṣifāt* dan *Tawhīd al-Dhāt*. Pada bahagian *khātimah* pula dibincangkan tentang segala martabat *tajallī dhāt*. Bahagian-bahagian berikutnya dibincangkan tentang masalah yang mendalam berkenaan dengan *kaiḥfiyyah* mentauhidkan Allah dan *kaiḥfiyyah* berselawat. Pada bahagian *tātimmah* atau penamatan yang dibincangkan tentang rahsia ilmu Allah. Manakala pada bahagian *takmilah* atau penyempurnaan pula dibincangkan tentang isu keramat. Di bahagian penutup kitab ini memuatkan kata-kata daripada Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari yang berbentuk pengharapan, maklumat berkenaan biografi beliau dan maklumat berkenaan naskhah yang dikarang iaitu *al-Durr al-Nafis*. Kitab ini diakhiri dengan perkataan tamat. Walau bagaimanapun, terdapat isi tambahan iaitu berkaitan selawat di bahagian akhir kitab ini. Besar kemungkinan pentashih kitab ini iaitu Syeikh Ahmad al-Fathani telah membuat penambahan selawat di bahagian akhir naskhah ini.

Gaya penulisan kitab ini adalah mengikut pecahan yang dapat dibezakan dengan istilah tertentu iaitu *fasl*, bermula, syahadan, *khātimah*, *tātimmah* dan *takmilah* dengan menggunakan tulisan bersaiz sedikit besar berbanding penulisan teks lain. Ia turut menggunakan dakwat berwarna merah bagi menampakkan perbezaan pembahagian dan memudahkan pembacaan.

<sup>60</sup> *Ibid.*, r. 3.

**Sumber Rujukan Penulisan Naskhah Teks Manuskrip (MSS225)**

Sesebuah bahan penulisan yang baik akan menyatakan sumber rujukan yang dirujuk bagi memudahkan pembaca menilai sesuatu hasil penulisan. Pembaca dapat memahami sesuatu fikrah atau pemikiran dengan merujuk bahan yang diambil oleh pengarang sesebuah karya. Naskhah MSS225 menyebut sumber rujukannya secara langsung dan tidak langsung melalui huraian penulisannya. Terdapat 3 jenis sumber bahan rujukan iaitu (i) bertulis yang merangkumi wahyu dan kitab-kitab muktabar, (ii) lisan iaitu kata-kata ulama atau guru, (iii) sumber ilham atau intuisi.<sup>61</sup>

Sumber pertama berteraskan wahyu Ilahi sudah semestinya al-Quran al-Karim dan al-Sunnah. Syeikh Muhammad Nafis memetik beberapa ayat al-Quran dan hadis bagi menerangkan beberapa bahagian di dalam karya beliau. Penggunaan ayat al-Quran dalam kitab ini tidak dinyatakan oleh pengarang nama surah dan nombor ayat. Pengarang juga dilihat turut memetik beberapa riwayat hadis seperti al-Bukhārī. Sumber berikutnya ialah kitab-kitab ulama agung dalam bidang tasawuf. Syeikh Muhammad Nafis menyebut sumber rujukan yang digunakan secara rawak mengikut kesesuaian isi kandungan kitab ini. Berikut merupakan hasil analisis berkenaan rujukan kitab oleh pengarang dalam penulisan karyanya :

**Jadual 3: Kekerapan Rujukan Kitab Dalam al-Durr al-Nafis (MSS 225)**

Bil	Nama Rujukan	Penulis	Kadar bilangan
1	<i>Ihyā' 'Ulūm al-Dīn</i>	Al-Ghazālī	3 kali
2	<i>Sharḥ Warūd al-Siḥr</i>	Shaykh 'Abdullāh ibn Ḥijāzī Sharqawī Maṣrī	3 kali
3	<i>Minhāj al-'Ābidīn</i>	al-Ghazālī	2 kali
4	<i>Sharḥ Qaṣīdah 'Ayniyyah</i>	Maulānā Shaykh Ṣiddīq 'Umar Khān	2 kali
5	<i>Tuhfat al-Mursalāh</i>	Maulānā Sayyid 'Abdullāh bin Ibrāhīm Mairā Ghānī	2 kali
6	<i>Sharḥ Hikam Ibn Ruslān</i>	Shaykh al-Islām	2 kali
7	<i>al-Jawāhir wa al-Durr Ra'yū Minqāl</i>	Shaykh 'Abd al-Wahhāb Sha'rānī	2 kali
8	<i>Sharḥ Hikam Ibn 'Aṭā'illāh</i>	Shaykh Ibn 'Ibād	2 kali

Sumber : Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr an-Nafis, Manuskrip (MSS 225)*.

Beliau banyak menggunakan karangan Imam al-Ghazali iaitu *Minhāj al-'Ābidīn* dan *Ihyā'*. Manakala kitab *Sharḥ Warūd al-Siḥr* juga kerap digunakan. Hakikatnya, *Sharḥ Warūd al-Siḥr* seperti mana yang telah dinyatakan sebenarnya adalah karya Shaykh al-Sayyid Muṣṭafā ibn Kamāl al-Dīn al-Bakrī yang kemudiannya disyarahkan oleh Shaykh 'Abdullāh ibn Ḥijāzī Sharqawī Maṣrī. Manakala sumber-sumber yang lain kebanyakan digunakan sekali sahaja pada bahagian-bahagian tertentu. Selain rujukan bahan yang telah dinyatakan dalam jadual di atas, pengarang turut menggunakan beberapa bahan tanpa menyebut tajuknya. Biasanya setiap petikan dimulai dengan ayat “sebagaimana kata...” dan “berkata...”. Pengarang turut *menaqāl* kata-kata Abū Yazīd al-Buṣṭāmī sebanyak 3 kali, al-Junaydī sebanyak 4 kali, Shaykh Muṣṭafā al-Bakrī sebanyak 2 kali, al-Jīlī sebanyak 2 kali, Imām Abū Qāsim al-Qushayrī dan Shaykh 'Abd al-Qādir Jaylānī sebanyak 1 kali.

Berdasarkan penganalisisan mendapati rujukan daripada kitab-kitab muktabar yang dikarang oleh ulama' yang *rāsikh* dalam bidang tasawuf telah digunakan oleh Syeikh Muhammad Nafis sebagai sumber. Antara mereka ialah Shaykh Muḥammad bin 'Abd al-Karīm al-Sammān yang cenderung kepada *ṭarīqah Sammāniyyah*, Shaykh 'Abdullāh ibn Ḥijāzī Sharqawī Maṣrī cenderung kepada *ṭarīqah Khalwatiyyah*, al-Ghazālī ulama yang disanjung di Nusantara dan beberapa ulama yang kontroversi seperti Ibn 'Arabī, al-Junaydī, Abū Yazīd al-Buṣṭāmī dan al-Jīlī. Syeikh Muhammad Nafis menggabungkan pemikiran-pemikiran mereka dalam penulisan *al-Durr al-Nafis*.

Ini turut disokong oleh Dr. Hj. Sri Mulyati bahawa Syeikh Muhammad Nafis cuba untuk memurnikan aliran-aliran dengan mendamaikan tradisi al-Ghazālī dan Ibn 'Arabī.<sup>62</sup> Daripada sumber rujukan tersebut menunjukkan bahawa tiada sumber daripada ahli sufi kepulauan Melayu secara jelas seperti Hamzah Fansuri, Syamsuddin al-Sumatrani dan lain-lain. Namun jika diperhatikan sebenarnya terdapat

<sup>61</sup> Hasil analisis *al-Durr al-Nafis*. Lihat : Muhammad Nafis, *Op.cit*.

<sup>62</sup> Sri Mulyati, *Tasawuf Nusantara Rangkaian Mutiara Sufi Terkemuka*, (Prenada Media Group, 2006), h. 114.

juga pengaruh sufi rantau ini yang boleh dilihat berdasarkan corak penulisan yang menggunakan istilah “dalang dalam wayang” dan “buah kelapa”. Walau bagaimanapun, dalam konteks ini tiada karya yang khusus disebutkan oleh Syeikh Muhammad Nafis sebagai rujukannya.

Sumber kedua yang digunakan dalam penulisan manuskrip ini adalah sumber lisan. Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari turut mengikuti majlis-majlis ilmu secara langsung dengan ulama-ulama terkemuka. Secara langsung beliau memuatkan kata-kata guru dan ulama dalam penulisan *al-Durr al-Nafis*. Cara inilah yang paling dituntut dalam Islam iaitu setiap penuntut ilmu digalakkan berjumpa sendiri dengan orang yang menyampaikan ilmu tersebut dan menerimanya secara lisan. Sumber lisan merupakan sumber awal yang digunakan oleh para nabi sebelum adanya sistem penulisan dan pembacaan.<sup>63</sup> Pengarang telah *birtalaqqī* dengan Shaykh Yūsuf Arziy Miṣrī dan Shaykh Abū Yūsuf Abū Dharrāh al-Miṣrī. Sumber lisan ini juga boleh dirujuk pada bahagian di mana Syeikh Muhammad Nafis mengambil kata-kata atau ilmu daripada guru-gurunya. Antara mereka ialah Maulānā Shaykh Ṣiddīq bin ‘Umar Khān yang disebut sebanyak 7 kali dalam *al-Durr al-Nafis*.<sup>64</sup>

Ilham atau intuisi merupakan sumber ketiga dalam penulisan kitab ini. Ia merupakan salah satu daripada sumber epistemologi Islam. Sumber ilham ini banyak dihuraikan dan dibahaskan dalam ilmu tasawuf.<sup>65</sup> Syeikh Muhammad Nafis memohon kepada Allah SWT supaya penulisannya selaras dengan apa yang dituntut. Realitinya segala ilmu itu datang daripada Allah S.W.T.

### **Kelebihan Penulisan Naskhah MSS225**

#### *Penggunaan Metode Kiasan*

Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari menggunakan metode kiasan untuk memudahkan perbandingan dan kefahaman masyarakat yang mempelajari kitab ini. Jika diperhatikan dalam karya-karya tasawuf lain, metode ini sememangnya kerap digunakan untuk memudahkan kefahaman. Walau bagaimanapun kiasan tersebut tidaklah bertujuan untuk menyamakan setiap sesuatu dengan Allah SWT, sebaliknya jauh berbeza dengan apa yang dibandingkan. Kiasan tersebut hanya sekadar contoh untuk menyampaikan kefahaman dan tidak bermaksud sebenar. Sungguh Allah SWT tiada perumpamaan bagiNya dan Maha Esa.

Hasil analisis kitab tersebut, kajian mengeluarkan 10 petikan berbentuk kiasan atau perumpamaan. Bahasa yang digunakan adalah berlapis dan mempunyai maksud tersendiri yang perlu difahami. Berikut merupakan satu petikan berkaitan *Tawhīd al-Ṣifāt*:

#### *Tawhīd al-Ṣifāt*

“Seperti seseorang yang di Jawi ufamanya [umpamanya] dikhabarkan oleh seorang akan dia akan sifat *Hajar al-Aswad* itu seperti dikata orang baginya bermula *Hajar al-Aswad* itu sangat hitam ufamanya [umpamanya] maka *i’tiqādkanlah* oleh orang yang belum melihat ia akan *Hajar al-Aswad* itu seperti yang disifatkan oleh orang yang melihat dia itu maka terupa pada akalinya tatkala sebelum ia melihat dia sebab ada berdiri hitam itu kepadanya maka dikata ia yang hitam maka (sic.) malah pada akalinya dengan yang demikian itu kerana tiada dapat segala2 dirupakan oleh akal dikatakan yang hitam itu jikalau tiada berdiri hitam itu kepadanya maka sebab berdiri hitam kepadanya maka dikata ia yang hitam maka tatkala sampai ia ke negeri Makkah ufamanya [umpamanya] berpandanglah ia dengan dia dan dilihatlah akan hakikatnya sebenarnya jua *Hajar al-Aswad* itu yang hitam seperti yang dikhabarkan oleh orang yang itu jua maka hilanglah pada ketika itu *i’tiqādkannya* yang mengatakan hitam itu berdiri kepada kepada *Hajar al-Aswad* kerana sudah mushahadah nyata ia...”<sup>66</sup>

<sup>63</sup> Amin Ahsan Ishlahi, *Metode Dakwah Menuju Jalan Allah*, (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 1986), h. 57.

<sup>64</sup> Muhammad Nafis, *Op.cit.*

<sup>65</sup> Basri Husin, “Ilham Sebagai Sumber Epistemologi Islam: Analisis Terhadap al-Risalah al-Ladunniyyah Karya al-Ghazali” (Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008), h. 50.

<sup>66</sup> *Muhammad Nafis, Op.cit.*, r. 23.

Petikan di atas berhubung dengan sifat Allah S.W.T. Ia dikiaskan dengan *Hajar al-Aswad* (Tuhan) dengan sifat hitamnya (sifat). Seseorang yang datang dari tanah Jawi atau alam Melayu (hamba) yang belum pernah melihat *Hajar al-Aswad* apabila diberi tahu berhubung sifat hitam, maka tergambar dalam pemikiran bahawa hitam itu berdiri pada batu tersebut maka ia dikatakan hitam. Apabila dia melihat sendiri *Hajar al-Aswad* itu, maka itulah hakikat sebenarnya dan hilanglah iktikad bahawa hitam itu berdiri pada *Hajar al-Aswad* sebaliknya hitam itu adalah *dhāt* itu sendiri.

#### Penghuraian Istilah-istilah Tasawuf

Penghuraian setiap istilah merupakan salah satu metode yang digunakan oleh Syeikh Muhammad Nafis. Penghuraian maksud setiap istilah ini penting untuk memahami sesuatu konsep atau idea yang hendak disampaikan. Tambahan pula istilah yang digunakan oleh ahli sufi berbeza dengan golongan syariat biasa. Jika istilah tertentu mempunyai sebutan yang sama, namun bagi ahli sufi pengertian dan maksud adalah berbeza. Perkara ini disebut oleh Ibn Khaldun yang menyatakan ahli sufi memiliki tingkah laku yang tersendiri dan pengertian bahasa yang khusus.<sup>67</sup> Justeru, tidak hairanlah jika Syeikh Muhammad Nafis menerangkan dan menghuraikan setiap istilah ilmu tasawuf ini memandangkan ilmu yang dibincangkan dalam *al-Durr al-Nafis* adalah ilmu tasawuf di peringkat tinggi. Terdapat 24 istilah yang dihuraikan dalam *al-Durr al-Nafis*. Walau bagaimanapun, menerusi artikel ini dipaparkan beberapa istilah berkaitan :

**Jadual 4: Istilah-istilah tasawuf dalam *al-Durr al-Nafis* (MSS 225)**

Istilah	Teks	Maksud
<i>Shirk Khafi</i>	“Syirik yang tersembunyi iaitu membangsakan segala perbuatan yang terbit daripada makhluk itu kepada makhluk jua tiada kepada Allah Taala kerana pada hakikatnya segala perbuatan itu sekaliannya terbit daripada Allah Taala jua” <sup>68</sup>	Syirik tersembunyi/tidak sedar/tidak nampak. Seseorang mengatakan bahawa segala perbuatan makhluk disebabkan makhluk itu sendiri, bukan daripada Allah.
<i>Riyā’</i>	“Memperlihatkan ibadatnya itu kepada orang yang lain atau menghendaki dengan ibadatnya itu akan sesuatu yang lain daripada Allah Taala jikalau syirik sekalipun dan setengah daripadanya”. <sup>69</sup>	Menunjuk-nunjuk ibadat yang dilakukan kepada orang lain dan berbangga-bangga.
<i>Sum‘ah</i>	“Mengkhabarkan ibadatnya yang ikhlas kerana Allah Taala itu kepada orang supaya dibesar orang dan dimuliakan orang dan sesetengah daripadanya”. <sup>70</sup>	Menceritakan ibadatnya yang ikhlas kerana Allah kepada orang lain untuk mendapatkan sanjungan daripada mereka.
<i>‘Ujub</i>	“Membesarkan dan membanyakkan akan ibadatnya pada hal tiada dilihatnya akan dia itu nikmat daripada Allah Taala dan setengah daripadanya”. <sup>71</sup>	Merasa puas diri sendiri. Menyangka diri cukup sempurna. Sifat ini menjadikan dirinya lupa akan kekurangan diri dan ingat kekurangan orang lain.
<i>Wuqūf Ma‘a al-‘Ibādah</i>	“Berhenti serah ibadah iaitu pada rasanya dirinya itu sudah sampai kepada Allah Taala dengan ibadahnya itu”. <sup>72</sup>	Berhenti kerana memandangkan ibadat yang dilakukannya itu daripada dirinya tanpa melihat bahawa perbuatan itu adalah nikmat daripada Allah.
<i>Hujub</i>	“Dinding ibadah iaitu daripada segala cahayanya dan perhiasannya dan keelokannya kerana tiap sanya amal ibadah itu baginya cahaya dan perhiasan dan keelokannya maka	<i>Sālīk</i> hanya berhenti sekadar itu sahaja kerana memandangkan keelokan amal ibadatnya. Malah

<sup>67</sup> Ibn Khaldun, Mukadimah Ibn Khaldun, terj. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), h. 633.

<sup>68</sup> Muhammad Nafis, *Op.cit.*, r.3.

<sup>69</sup> *Ibid.*, v.4.

<sup>70</sup> *Ibid.*,

<sup>71</sup> *Ibid.*,

<sup>72</sup> *Ibid.*,

	suka citalah ia dengan dia dan lupalah ia akan Allah Taala daripada sebab yang demikian itu”. <sup>73</sup>	ia berasa gembira dengan ibadat itu sehingga lupa kepada Allah.
<i>Mubāsharah</i> atau <i>Tawlud</i>	“Perbuatan dengan <i>mubāsharah</i> itu iaitu yang beserah dengan <i>qudrah</i> yang baharu seperti <i>khurūq</i> [gerak] <i>qalam</i> pada tangan orang yang menyurat dan ertinya perbuatan dengan <i>tawlud</i> itu iaitu yang jadi daripada perbuatan yang <i>mubāsharah</i> ”. <sup>74</sup>	Berserah dengan kudrat yang baharu.
<i>Mushāhadah</i>	“Berpandangan dan nyata dan bercampurilah dengan pandanganmu itu zahir mu dan batin mu”. <sup>75</sup>  “Kelihatan olehmu di dalam <i>sirr</i> mu akan bahawasanya segala perbuatan itu perbuatan Allah dan segala <i>asmā’</i> itu <i>asmā’</i> Allah dan segala sifat itu <i>Ṣifāt</i> Allah dan segala wujud itu wujud Allah”. <sup>76</sup>	Memandang dengan mata kepada dan mata hati.
<i>Shirk Jali</i>	“Menduakan Allah Taala ufamanya [umpamanya] tetapi tiada lepas dan keluar daripada syirik”. <sup>77</sup>	Syirik yang mudah dikenali kerana dapat dilihat dengan mata kasar dan dirasakan oleh mereka yang beriman.

Sumber: Muhammad Nafis al-Banjari, *al-Durr al-Nafis*, Manuskrip (MSS 225).

Istilah-istilah tersebut merupakan istilah sufi yang berasal daripada bahasa Arab dan memerlukan penjelasan lanjut. Ini menggambarkan bahawa Syekh Muhammad Nafis al-Banjari ingin memberi kefahaman yang lebih jelas lagi kepada masyarakat kerana ilmu tasawuf mempunyai maksud istilah tersendiri.

### Perbincangan Kajian

Kajian menggunakan kaedah analisis kandungan dengan memilih naskah *al-Durr al-Nafis* MSS225 sebagai sampel kajian berdasarkan kriteria kodikologi yang dibandingkan dengan naskah-naskah yang tersimpan di PKMM. Analisis kandungan dipaparkan dalam bentuk tematik atau tema-tema yang lebih khusus. Kajian mengeluarkan komponen kandungan dan isi teks merangkumi susunan kandungan kitab, sumber rujukan penulisan kitab, keistimewaan dan pendekatan dalam penulisan kitab ini. Elemen tersebut merupakan sebahagian daripada kajian dan analisis kandungan teks. Dalam konteks ini, kaedah deduktif digunapakai iaitu membuat analisis khusus daripada isi kandungan naskah yang umum. Hasil dapatan kajian mendapati kitab *al-Durr al-Nafis* menggambarkan ketinggian ilmu pengetahuan pengarang ulama tempatan. Pengarang sedaya upaya mempersembahkan atau menyampaikan ilmu tasawuf kepada masyarakat Melayu dengan kaedah mudah dan boleh difahami. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengarang dilihat membahaskan maksud-maksud istilah-istilah Arab yang digunakan dalam kitab ini agar pembaca benar-benar memahami makna yang ingin disampaikan. Pengarang juga bijak dalam mempersembahkan karya dengan menggunakan kaedah kiasan bagi mendekatkan dan memudahkan pemahaman pembaca berkaitan maksud yang ingin disampaikan. Kaedah kiasan ini berbahasa lembut atau berhemah dalam memberi contoh-contoh agar pembaca tidak tersalah faham penyampaian. Pada bahagian analisis bahan rujukan yang digunakan oleh pengarang mendapati sumber yang digunakan adalah autentik daripada ulama-ulama Arab terkemuka. Jika kaedah penulisan akademik kini mementingkan sitasi dan sumber rujukan, hakikatnya ulama Melayu silam telah ke hadapan dalam melihat kepentingan perkara ini. Tradisi rujukan yang teliti dalam manuskrip Islam

<sup>73</sup> *Ibid.*,

<sup>74</sup> *Ibid.*, r.5.

<sup>75</sup> *Ibid.*, v.6.

<sup>76</sup> *Ibid.*, v. 64.

<sup>77</sup> *Ibid.*, r.7.

klasik mencerminkan keutuhan akademik yang berpanjangan di kalangan cendekiawan Melayu.<sup>78</sup> Setiap perkara atau isi yang dikemukakan oleh pengarang akan menyebut bahan rujukan yang digunakan sama ada bertulis atau secara lisan. Ini menggambarkan ketinggian keintelektualan pengarang terhadap penghasilan sesebuah karya.

Susunan paparan kandungan kitab ini mencerminkan kefahaman, ketinggian dan kesedaran pengarang terhadap beberapa perkara. Pengarang kitab secara peribadinya mempunyai keautoritian dalam bidang tasawuf sehingga mampu membahaskan tasawuf di peringkat tinggi dengan memuatkan fahaman-fahaman dari tokoh-tokoh agung. *Al-Durr al-Nafis* memperlihatkan persembahan yang baik dengan susunan mengikut bahagian-bahagian tertentu agar memudahkan pembacaan. Menerusi kitab ini terdapat tiga paparan bahagian iaitu pendahuluan, kandungan dan penutup. Di bahagian isi kandungan pula terdapat lima pecahan iaitu *fasl*, *khātimah*, *nuqtah*, *tātimmah* dan *takmilah*. Paparan seperti ini menggambarkan pengarang mempunyai kemahiran membaca dan menulis dalam sesebuah karya ilmu.

## Kesimpulan

Pendekatan penulisan ulama tempatan mempunyai keunikan tersendiri. Maka tidak hairan jika manuskrip Melayu lama sering dijadikan bahan kajian sama ada oleh sarjana tempatan mahupun luar negara. Khazanah warisan ini perlu diangkat dan dijaga kelestariannya agar kearifan tempatan ini tidak hilang mengikut peredaran zaman. Naskhah ini juga sebahagian daripada khazanah Melayu yang memiliki nilai dan keunikan tersendiri. Ia dikarang oleh tokoh tempatan Melayu dari Banjar menggambarkan bahawa masyarakat tempatan juga mempunyai keilmuan dan keintelektualan yang tinggi. Pengarang mampu menguasai bahasa dan tulisan serta menuntut ilmu agama sehingga ke Timur Tengah. Tidak sedikit pengorbanan dilakukan dan mencurahkan khidmat bakti dakwah di tanah air Nusantara ini. Naskah *al-Durr al-Nafis* dengan nombor panggilan MSS225 dipilih oleh PKMM untuk didigitalkan dalam bentuk mikrofilem kerana naskah ini mempunyai keunikan dan kelainan berbanding naskhah *al-Durr al-Nafis* lain yang tersimpan di PKMM. Kajian memilih naskhah ini kerana berstatus lengkap, ditulis dengan kemas dan baik serta ia disalin di Makkah dengan penggunaan dua bahasa iaitu bahasa Melayu bertulisan Jawi dan bahasa Arab. Paparan isi kandungan naskhah berkaitan ilmu tasawuf yang memaparkan kewibawaan dan ketinggian keilmuan tokoh tempatan Melayu.

## Rujukan

Abdul Rahman, Mat Saad. *Ensiklopedia Ulama' Mazhab Shafi'i*. JAKIM, 2011.

Ahmad. "Pengajian Tasawuf SIRR Di Kalimantan Selatan." Disertasi sarjana, IAIN Antasari, Banjarmasin, 2008.

Ahsan, Amin Ishlahi. *Metode Dakwah Menuju Jalan Allah*. Pustaka Nasional PTE LTD, 1986.

Anshori, M. Afif, Zaenuddin Hudi Prasojjo, and Lailial Muhtifah. "Contribution of Sufism to the Development of Moderate Islam in Nusantara." *International Journal of Islamic Thought*, no. 19 (2021): 40–48.

Al-Attas, Muhammad Naquib. *Historical Fact and Fiction*. UTM Press, 2011.

Al-Syarqawi, Abdullah. *Syarhu al-Hikam al-Sufiyyah*. Dar al-Kurzi, 2008.

Alifah Talitha Shabrina dan Asep Yudha Wirajaya. "Perbandingan Karakteristik Ilustrasi Naskah Syair Saiban dan Zainab Asyamiyah dan Ghayat al-Muna: Sebuah Kajian Kodikologi." *Jumantara: Jurnal Manuskrip Nusantara* 10, no. 2 (2019): 111–24.

Azra, Azyumardi. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Mizan, 1998.

---

<sup>78</sup> Bustamam-Ahmad, Kamaruzzaman. "The Religious Imagination in Literary Network and Muslim Contestation in Nusantara." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 7, no. 2 (2019): 217–244.

- Basri Husin. "Ilham Sebagai Sumber Epistemologi Islam: Analisis Terhadap al-Risalah al-Ladunniyyah Karya al-Ghazali." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.
- Booth, Andrew, Sutton, Anthea dan Papaioannou, Diana. *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*. SAGE Publications, 2016.
- Bustamam-Ahmad, Kamaruzzaman. "The Religious Imagination in Literary Network and Muslim Contestation in Nusantara." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 7, no. 2 (2019): 217–244.
- Creswell, John W. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. SAGE Publications, 2013.
- Ensiklopedia Islam*. PT Ichtar Baru Van Hoeve, 2005.
- Fathurahman, Oman. *Filologi Indonesia: Teori dan Metode*. UIN Press, 2015.
- Haliza Mohamad. "PNM Aktif Bina Koleksi Manuskrip." Berita Harian Online, 4 September 2023.
- Handy, Muhammad Rezky Noor dan Sisca Nur Fatimah. "Biography of Syekh Muhammad Nafis Al-Banjari: An Investigation of Value in the Spread of Islam as a Learning Source on Social Studies." *The Kalimantan Social Studies Journal* 1, no. 1 (2019): 40–50.
- Hawash Abdullah. *Perkembangan Ilmu Tasawuf dan Tokoh-tokohnya di Nusantara*. Al-Ikhlas, 1980.
- Ibn Khaldun. *Mukadimah Ibn Khaldun*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- John, A. H. "Sufisam as a Category in Indonesia Literature and History." *Journal of Southeast Asian History* 2 (1961).
- Kamarudin Ali. "Hadis-hadis di Dalam Kitab al-Durr al-Nafis: Takhrij dan Ulasan." Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998.
- Kamus Dewan, edisi ke-4*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Kautsar Azhari Noer. "Pengaruh Wahdat al-Wujūd Dalam Pemikiran Islam di Nusantara." Dalam *Isu-isu Dalam Dakwah, Tarekat Tasawuf & Ajaran Sesat di Malaysia*, ed. Abdul Ghafar Hj Don, Othman Hj Talib et al. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2008.
- Ku Hasnita Ku Samsu, Adnan, Zatul Himmah Adnan, Mohd Mahadee Ismail, Yok Fee Lee, Arfah Ab Majid dan Ratna Roshida Ab Razak. "Pendirian Generasi Muda Terhadap Penggunaan Bahasa Melayu Sebagai Wadah Patriotisme di Malaysia." *Sains Insani* 5, no. 2 (2020): 17–24.
- Laily Mansur, M. "Kitab ad Al-Durr al-Nafis Tinjauan Atas Suatu Ajaran Tasawuf." Disertasi sarjana, IAIN Antasari, Banjarmasin, 1981.
- Mohamad Akhir, Noor Syahidah, "Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis Al-Banjari Terhadap Perkembangan Islam di Kalimantan Selatan: Tumpuan Terhadap Al-Durr al-Nafis." Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.
- Mohamad Akhir, Noor Syahidah. "Pengaruh Syeikh Muhammad Nafis al-Banjari di Kalimantan Selatan berhubung Ilmu Tasawuf." Dalam *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*, 6. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- Muhammad Nafis al-Banjari, Syeikh. *Al-Durr al-Nafis*. Manuskrip (MSS 225), Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia.

- Mulyati, Sri et al. *Mengenal dan Memahami Tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*. Kencana Prenada Media Group, 2004.
- Mulyati, Sri. *Tasawuf Nusantara: Rangkaian Mutiara Sufi Terkemuka*. Prenada Media Group, 2006.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas*. Perpustakaan Negara Malaysia, 1987.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Induk Manuskrip Melayu di Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Pertama*. Perpustakaan Negara Malaysia, 1991.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Tambahan Kedua*. Perpustakaan Negara Malaysia, 1993.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, Tambahan Keenam*. Perpustakaan Negara Malaysia, 2011.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia, 2000.
- Perpustakaan Negara Malaysia. *Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Satu Katalog Ringkas, Tambahan Ketiga*. Perpustakaan Negara Malaysia, 1997.
- Salim, Agus, "Javanese religion, Islam orsyncretism: comparing Woodward's Islam in Java and Beatty's Varieties of Javanese Religion." *Indonesian Journal of Islam and Muslim Societies* 3, no.2 (2013): 223-266.
- Suhid, Asmawati, Mohd Yusri Mohd Naser, A. Ahmad, Noreha Che Abah, Rosnani Jusoh, and Zeinab Zaremohzzabie. "Challenges and Readiness of Islamic Education Teachers in Innovative Teaching and Learning." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 9, no. 2 (2021): 293–308.
- Tim Redaksi. *Ensiklopedia Tematis Dunia Islam*. Ihtiar Baru Van Hoeve, 2008.
- Tim Sahabat. *Seri Manakib Syekh Muhammad Nafis al-Banjari dan Ajarannya*. SAHABAT, 2010.
- UIN Syarif Hidayatullah. *Ensiklopedia Tasawuf*. Penerbit Angkasa Bandung, 2008.
- Wahyudin, Kamrani Buseri, et al. *Unsur-unsur Islam dalam Sejarah Perang Banjar*. IAIN Antasari, 1994.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Koleksi Ulama Nusantara*. Khazanah Fathaniah, 2009.
- Wan Mohd. Shagir Abdullah. *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*. Khazanah Fathaniah, 2000.
- Zainuddin Abdullah. "Tanbih Al-Masyi Menyoal Wahdatul Wujud: Kasus Abdurrauf Singkel di Aceh Abad 17 Karya Oman Fathurahman (Review Buku)." *Mumtaz: Jurnal Studi Al-Qur'an dan Keislaman* 3, no. 2 (2019): 280–88.
- Zarkasyi, Maimunah. "Dakwah Tauhid Muhammad Nafis al-Banjari (1150 H/1735 M)." *TSAQAFAH* 15, no. 1 (2019): 137–46.
- Zarkasyi, Maimunah. "Pemikiran Tasawuf Muhammad Arsyad al-Banjari dalam Risalah Fath al-Rahman dan Kanz al-Ma'rifah." Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.